

08 NOV 2001

WAKIL PEKERJA LADANG SERAH MEMORANDUM UNTUK SIDANG TERGEMPAR

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang (JSML) hari ini menyerahkan satu memorandum supaya Parlimen mengadakan sidang tergempar bagi membincangkan kemiskinan pekerja ladang di Malaysia.

Memorandum itu diserahkan oleh jurucakap jawatankuasa berkenaan, K.Kunasegaran kepada pegawai Parlimen Mohd Sanusi Abdul Rahman untuk disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail.

Memorandum itu juga diserahkan kepada Ketua Pembangkang di Parlimen Datuk Fadzil Noor.

Kunasegaran berkata antara isi kandungan memorandum itu ialah memperjuangkan isu gaji bulanan RM1,200 berdasarkan perjanjian bersama Persatuan Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW).

"Tamparan kedua ialah Belanjawan 2002 telah mengabaikan pekerja ladang dan langsung tidak memberi faedah kepada pekerja ladang," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Tuntutan lain ialah struktur gaji bulanan mesti mempunyai komponen kenaikan gaji tahunan, bonus dan elaun, peratus kenaikan gaji yang melepasi kadar inflasi, gaji bulanan baru lebih daripada pendapatan tahap kemiskinan baru iaitu sebanyak RM1,200 mengikut Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) 3 dan Rancangan Malaysia ke-8.

Kunasegaran yang hadir di Parlimen bersama 200 orang wakil JSML berkata jawatankuasa itu diwakili oleh masyarakat pekerja ladang di Negeri Sembilan, Perak, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah.

-- BERNAMA

SHS SHS LAT